



NEGERI PERAK

**TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
PK .P.U. 6/1993  
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 1993**

Tarikh penyiaran:  
Tarikh mula berkuatkuasa:

13 Mei 1993  
13 Mei 1993

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama.  
Undang-Undang Kecil 2. Pindaan kepada Undang-Undang Kecil 2.  
Undang-Undang Kecil 3. Undang-Undang Kecil Baru 34A.

## Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Menteri/Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang Kecil berikut:

### 1. Nama.

Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1993**.

### 2. Pindaan Undang-Undang Kecil 2.

Undang-undang Kecil 2 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1988 [Pk. PU. 21/88] yang disebut "Undang-undang kecil ibu" dalam undang-undang kecil ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran "orang berkelayakan", tafsiran baru yang berikut:

"orang tak upaya" ertinya seseorang yang lemah dari segi fizikal, pendengaran atau penglihatan yang memberi kesan kepada pergerakan atau penggunaannya terhadap bangunan-bangunan yang disebut di bawah Undang-Undang Kecil 34A; '

### 3. Undang-Undang Kecil Baru 34A.

Undang-undang kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Undang-Undang Kecil 34, Undang-Undang Kecil Baru 34A yang berikut:

#### "34A. Kehendak-kehendak bangunan bagi orang tak upaya.

(1) Apa-apa bangunan atau mana-mana bahagiannya yang baginya undang-undang kecil ini terpakai hendaklah-

(a) disediakan akses bagi membolehkan orang tak upaya masuk dalam, keluar dari dan dalam bangunan itu kecuali bagi mana-mana bahagian bangunan itu yang aksesnya adalah disediakan keseluruhannya atau terutamanya untuk pemeriksaan, penyenggaraan atau pembaikan bangunan, perkhidmatan-perkhidmatannya atau loji atau jentera tetap; dan

(b) direkabentuk dengan kemudahan-kemudahan bagi kegunaan mana-mana orang tak upaya.

(2) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi mengikut Piawaian Malaysia MS 1184 dan MS 1183.

(3) Bangunan-bangunan yang baginya undang-undang kecil terpakai dan yang pada tarikh mula berkuatkuasanya undang-undang kecil ini telah didirikan, sedang didirikan atau belum didirikan tetapi pelan-pelan telah dikemukakan dan diluluskan, hendaklah diubahsuai atau dipinda supaya mematuhi undang-undang kecil ini dalam masa 3 tahun dari tarikh penguatkuasaan undang-undang kecil ini.

(4) Walau apapun perenggan (3) pihak berkuasa tempatan boleh jika ia berpuas hati bahawa adalah berjustifikasi untuk berbuat demikian

(a) membenarkan lanjutan atau lanjutan seterusnya sesuatu tempoh dalam mana kehendak-kehendak undang-undang kecil ini akan dipatuhi; atau

(b) membenarkan variasi, penyimpangan atau pengecualian sebagaimana yang dinyatakan daripada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan di bawah perenggan (4) boleh dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan keputusan merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(6) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi mana-mana bangunan berikut atau mana-mana bahagiannya-

(a) pejabat, bank, pejabat pos, kedai, gedung perniagaan, pasar raya dan lain-lain bangunan pentadbiran dan perdagangan, kecuali rumah kedai yang wujud pada masa mula berkuatkuasanya undang-undang kecil ini;

(b) bangunan-bangunan untuk perjalanan keretapi, jalanraya, laut dan udara dan tempat-tempat yang berkaitan dengannya, bangunan tempat letak kereta dan kilang;

(c) hospital, pusat perubatan, klinik dan lain-lain bangunan kesihatan dan kebajikan;

(d) restoran, dewan konsert, panggung, pagawam, bangunan persidangan, bangunan orang ramai, kolam renang, bangunan sukan, dan lain-lain bangunan makanan dan minuman, hiburan dan rekreasi;

(e) bangunan keagamaan;

(f) sekolah, kolej, university, zoo, muzium, balai seni lukis, perpustakaan, bangunan pameran dan lain-lain bangunan pendidikan, kebudayaan dan saintifik; dan

(g) asrama, rumah tumpangan dan bangunan-bangunan kediaman lain selain daripada rumah-rumah kediaman keluarga persendirian.”.

Diperbuat pada 3hb Mac 1993..

[PSUK. PK. (KT) 30/14/20; PU. PK. 67/71-34.]

HJ. SHARAIDIN BIN TAKIN,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Perak*